

Yayasan untuk semua bekas PM

UM - 17/2/2005: 7

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN dan FAUZI JAAFAR (WARTAWAN UTUSAN)

TIDAK ramai yang tahu tentang Yayasan Kepimpinan Perdana yang terletak di Presint 7, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya. Jika adapun yang sadar kewujudannya, ramai yang masih samar-samar akan fungsi dan tujuan penubuhan yayasan itu.

Tidak kurang pula yang beranggapan bahawa yayasan ditubuhkan sebagai hadiah kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang melepaskan jawatan pada 31 Oktober 2003.

Dr. Mahathir yang juga Presiden Kehormat Yayasan mengakui memang pada awalnya ada cadangan menjadikan yayasan itu memorial khas untuk beliau seperti mana Memorial Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak yang diwujudkan sebelum ini, tetapi beliau menolak.

"Saya kata kalau nak buat untuk semua bekas Perdana Menteri, saya setuju. Jadi (Yayasan) ini adalah untuk bekas-bekas PM dengan tujuan segala yang dilakukan oleh Perdana Menteri dulu dapat disimpan dan didokumentasi secara berkekalan," katanya dalam satu temu bual dengan *Utusan Malaysia* dan beberapa media di pejabatnya di Putrajaya Isnin lalu.

Menyedari salah tanggapan banyak pihak terhadap fungsi penubuhannya, Dr. Mahathir meluangkan masa untuk menjelaskan bahawa matlamat Yayasan Kepimpinan Perdana yang didedikasikan kepada kepimpinan Malaysia dan pembangunan negara ialah:

- untuk menyelidik, mendokumen, menyebar dan memaparkan legasi intelektual bekas-bekas Perdana Menteri Malaysia.

- untuk menerang dan menjelaskan segala sumbangan mereka terhadap pembangunan sosial, ekonomi dan politik negara melalui dasar-dasar yang dilaksanakan di bawah masing-masing empat bekas Perdana Menteri.

- untuk memberi kesedaran terutama kepada generasi muda bahawa pembangunan negara dan keamanan yang dicapai hari ini melalui proses-proses tertentu.

- untuk menjadi pusat sumber segala dasar, strategi dan inisiatif bekas-bekas Perdana Menteri yang boleh dijadikan rujukan masa depan masyarakat dan negara lain. Sebenarnya menurut Dr. Maha-

thir, pelbagai pihak mahu tahu apakah formula yang diguna pakai oleh Malaysia sehinggakan masyarakat pelbagai kaum dapat hidup aman tanpa keganasan sedangkan banyak negara gagal mengatasinya.

Baginya, ini semua adalah hasil idea hebat bekas Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman kerana beliau yang telah mencorakkan politik Malaysia.

Begitu juga katanya, ada pihak malah negara yang mahu mempelajari bagaimana Malaysia berjaya berubah sebagai sebuah negara perindustrian daripada negara bekas koloni yang berasaskan pertanian dalam masa singkat. Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa beliau sendiri terperanjat apabila cuba mendapatkan bahan untuk kajiannya dan mendapati betapa jauh bezanya pendapatan perkapita negara pada tahun 1973 iaitu sekitar AS\$300 berbanding AS\$4,000 sekarang.

"Kita telah melakukan kejayaan tetapi bagaimana ini dicapai?" soalnya. Baginya mungkin sesetengah orang beranggapan peningkatan itu berlaku kerana negara ini kaya sumber asli tetapi beliau percaya mereka sendiri sadar ia bukan mudah dilakukan. Banyak negara yang lebih kaya sumber alamnya dari Malaysia tetapi tidak dapat membangunkan negara.

"Inilah generasi muda perlu tahu dan apa yang mereka perlu lakukan untuk memajukan negara," kata Dr. Mahathir.

Bagaimana kita menangani krisis politik? Apakah cabaran dalam kepimpinan kerajaan? Kenapa pembangkang juga cuba meniru konsep perkongsian kuasa kerajaan Barisan Nasional? Soalan-soalan ini sering ditanya kepada pemimpin Malaysia termasuk Dr. Mahathir oleh masyarakat dunia baik orang Jepun, Korea mahupun China yang telah mencipta tamadun lebih awal daripada negara kita.

Sungguhpun pengajian tentang Malaysia boleh juga didapati di institusi luar negara menurutnya, maklumat yang ditawarkan itu mungkin kurang tepat berbanding apa yang boleh diperoleh dari yayasan, memandangkan ia didapati daripada sumber yang sah malah antaranya dari mulut orang yang terlibat sendiri dengan sesuatu peristiwa itu.

Justeru bagi Dr. Mahathir, di sinilah yayasan akan menjalankan peranan 'mengumpul' sebanyak



BANGUNAN Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya.

mungkin maklumat, rekod dan dokumen termasuk rakaman audio-visual melibatkan bekas-bekas Perdana Menteri khususnya berkaitan peristiwa penting dalam sejarah negara, bagi menjawab persoalan yang dikemukakan itu.

"Apa yang dibuat ini bukan untuk saya, ia untuk bekas-bekas Perdana Menteri yang telah memberi sumbangan kepada kerajaan," katanya. Bagi Dr. Mahathir, cara rakyat Malaysia mengucapkan terima kasih atas sumbangan bekas pemimpin negara perlu bersifat lebih akademik iaitu tidak patut terhad dalam bentuk pameran semata-mata.

"Dulu kita ada Memorial Tunku Abdul Rahman, ia lebih kepada pameran. Kadangkala seperti pergi melihat saja tetapi di sini (Yayasan) kita belajar, mungkin untuk membuat perbandingan tentang polisi luar negara Tunku dan Tun Abdul Razak," katanya sambil menarik perhatian terhadap perbezaan antara Tunku yang pro British manakala Tun Abdul Razak pula mula menjalin hubungan dengan republik komunis China.

Bagi Dr. Mahathir, rakyat boleh mempelajari sesuatu daripada fakta sejarah dan barangkali dapat mengelak daripada melakukan kesilapan yang sama.

Dengan lokasi Yayasan Kepimpinan Perdana yang begitu strategik di tengah-tengah bandar pintar Putrajaya memungkinkannya usaha menyediakan akses terus-menerus dan berpusat kepada pelbagai maklumat tentang bekas-bekas Perdana Menteri Malaysia.

Buat masa ini, Pustaka Perdana iaitu perpustakaan yayasan yang di-

buka kepada orang awam pada waktu pejabat menyediakan akses kepada dokumen terhad yang dikumpulkan sehingga kini, yang kebanyakannya merupakan koleksi ucapan, buku, gambar dan rakaman audiovisual Dr. Mahathir sendiri.

Ia juga boleh dilayari menerusi <http://library.perdana.org.my:8000>.

"Setakat ini tidak ada maklumat yang didokumen secara tersusun mengenai rekod pencapaian bekas-bekas Perdana Menteri kepada negara.

"Kita nak tahu apa sumbangan mereka, sejak merdeka atau sebelum merdeka, tak banyak ada dokumen rekod di Malaysia," kesalnya.

Walaupun mungkin ada dokumen tentang dasar-dasar dan peristiwa-peristiwa berkaitan mereka, beliau percaya kebanyakannya 'berselerak' di perpustakaan, arkib dan institusi seluruh negara malah ada yang 'menyeberang' ke Singapura sewaktu republik itu masih sebahagian dari Malaysia.

Dr. Mahathir juga percaya buku Tunku Abdul Rahman, '*Sebelum dan Selepas 1969*' yang sepatutnya menjadi bahan rujukan, tidak ramai yang membaca malah sukar pula untuk mendapatkannya.

"(Sebab itu) kita nak kumpulkan semua. Malah berapa banyak dokumen yang kita dapat tentang sejarah Malaysia, kita perlu simpan rekod ini," tegasnya sambil membangkitkan bahawa usaha mendokumentasikan sejarah negara ini telah pun dilakukan oleh bangsa lain di dunia.

Disebabkan itu fokus utama yayasan ialah untuk mengumpulkan sebanyak mungkin maklumat ten-

tang empat orang bekas Perdana Menteri, supaya sebarang persoalan atau pertanyaan bersabit mereka selepas ini dapat diperoleh terus dari situ.

Bagaimanapun Dr. Mahathir menyedari usaha mendokumentasi dan mendigitalkan segala maklumat ini merupakan proses yang berterusan, melangkaui sempadan negara dan menuntut dana yang besar untuk menjayakannya.

Ini kerana ada di antara dokumen tersebut berada dalam simpanan pihak lain dan pihak yayasan patut bersedia untuk membelinya jika perlu.

Sehingga kini operasi yayasan dibiayai oleh dana hasil sumbangan syarikat korporat dan diuruskan oleh Lembaga Pemegang Amanah dengan Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob sebagai ketua pegawai eksekutifnya.

Setakat April tahun lalu, sebanyak 26 syarikat telah memberikan sumbangan berjumlah RM26 juta yang sebahagiannya telah digunakan untuk membina bangunan Yayasan.

Yayasan kini memerlukan anggaran RM5 juta setahun untuk meneruskan aktiviti mendokumentasi dan mendigitalkan maklumat selain membayar gaji kakitangan dan menggerakkan fungsinya sebagai forum diskusi intelek menerusi seminar-seminar yang dianjurkan dari semasa ke semasa.

Menjelang perasmian pertengahan tahun ini, yayasan juga akan melantik felo pertamanya yang akan memikul tanggungjawab menjalankan kajian ilmiah mengenai polisi, strategi dan inisiatif serta pemikiran bekas-bekas Perdana Menteri Malaysia.

Sambil membayangkan pelantikan itu akan dibuat setiap tahun, Dr. Mahathir menaruh keyakinan geran kewangan yang ditawarkan mampu menarik kalangan ahli akademik termasuk dari luar negara untuk mengkaji pelbagai subjek berkaitan pembangunan Malaysia.

Dalam hubungan ini beliau menekankan sokongan dan sumbangan daripada golongan korporat amat diperlukan untuk menjayakan matlamat menjadikan Yayasan Kepimpinan Perdana sebagai gedung maklumat sejarah Malaysia moden.

Jika sebelum ini kutipan dana dibuat secara berpilih, beliau yakin lebih ramai boleh tampil untuk sama-sama menyumbang ke arah itu.